

AKAUN HLB MEEZANI-I**TERMA & SYARAT ("T&S") [HLB Meezani-i Terms & Conditions \(ENG\)](#)**

T&S ini hendaklah dibaca secara keseluruhan bersama dengan Terma & Syarat Kad Debit-i dan mana-mana terma & syarat lain berkaitan yang mungkin dikenakan oleh **Hong Leong Islamic Bank Berhad ("HLISB")** dari semasa ke semasa.

1. Takrifan & Taksiran**1.1. Takrifan**

Dalam Terma & Syarat ini, istilah dan ungkapan berikut hendaklah mempunyai pengertian yang ditetapkan melainkan konteks menghendaki sebaliknya:

"Polisi ABC" bermakna Polisi Anti-Rasuah dan Korupsi HLBG yang boleh dibaca di laman sesawang HLB/HLISB masing-masing di www.hlb.com.my dan www.hlisb.com.my.

"Akaun" bermakna Akaun HLB Meezani-i Pelanggan dengan HLISB.

"AIBIM" bermakna Persatuan Institusi-institusi Perbankan Islam Malaysia.

"Undang-undang Anti-Rasuah" bermakna Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 seperti dipinda dari semasa ke semasa, dan aturan dan peraturan yang diterbitkan di bawahnya, dan mana-mana undang-undang, statut, peraturan, aturan dan perintah yang berkaitan dengan rasuah atau korupsi.

"Bank" bermakna **Hong Leong Islamic Bank Berhad (200501009144 (686191-W))** atau **"HLISB"**.

"BNM" bermakna Bank Negara Malaysia.

"Hari Perniagaan" bermakna hari apabila HLB/HLISB dibuka untuk perniagaan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak (tidak termasuk hari kelepasan Bank, negeri dan hari kelepasan am), mengikut mana yang berkenaan, dan hari apabila transaksi yang dicadang bagi Akaun boleh dijalankan.

"CCRIS" bermakna Pusat Sistem Maklumat Rujukan Kredit.

"Cek" termasuk bil pertukaran.

"CTOS" bermakna Perkhidmatan Pemberian Maklumat Kredit.

"FIS" bermakna kaji Selidik Rangkuman Kewangan.

"Pelanggan" bermakna pemegang Akaun HLB Meezani-i, atau juga dikenali sebagai "Pemegang Akaun Pelaburan" atau "Pelabur".

"HLBG" bermakna Hong Leong Bank Berhad dan/atau syarikat subsidiarinya.

"HLB" bermakna Hong Leong Bank Berhad dan termasuk cawangan-cawangannya dan pengganti hak miliknya berserta penerima serah haknya.

"HLISB" bermakna Hong Leong Islamic Bank Berhad dan termasuk cawangan-cawangannya dan pengganti hak miliknya berserta penerima serah haknya.

“HLB Connect” bermaksud perkhidmatan perbankan internet dan perkhidmatan aplikasi perbankan mudah alih yang disediakan oleh HLB/HLISB.

“Dasar Pemberi Maklumat HLB/HLISB” bermakna Polisi Pemberian Maklumat HLB/HLISB atau apa-apa polisi dan/atau prosedur walau apa jua namanya yang diberi berkaitan dengan pemberian maklumat yang mungkin dipinda dari semasa ke semasa, menyatakan komitmen HLB/HLISB terhadap etika dan integriti perniagaan yang baik, sehubungan ini pekerja-pekerja HLB dan Bank, serta juga orang-orang yang memberi perkhidmatan, atau mempunyai hubungan perniagaan dengan HLB atau Bank, dikehendaki menyuarakan keperihatinan terhadap sebarang salah laku atau kesalahan yang boleh memberi kesan buruk kepada HLB/HLISB, termasuk tetapi **TIDAK** terhad kepada:

- (a) apa-apa kesalahan jenayah, termasuk penipuan, korupsi, rasuah dan peras ugut;
- (b) kegagalan mematuhi undang-undang atau peraturan; dan
- (c) keperihatinan terhadap amalan salah.

“HLCRP” atau **“Penilaian Kesesuaian Pelabur”** bermakna penilaian yang dilakukan oleh HLB/HLISB untuk mengumpul maklumat yang diperlukan daripada prospek Pelabur dari segi keupayaan kewangan Pelabur, tahap risiko dan kebolehan untuk menanggung risiko yang akan membantu pihak Bank memberi cadangan yang berasas.

“HQLA” bermakna Aset Kecairan Berkualiti Tinggi.

“Akaun Pelaburan-i” atau **“IA-i”** bermakna suatu akaun di mana wang dibayar dan diterima bagi tujuan pelaburan, termasuk bagi tujuan pembiayaan, mengikut terma Syariah bahawa tiada obligasi yang nyata atau tersirat untuk membayar balik wang tersebut sepenuhnya dan:

- (a) Sama ada hanya jumlah keuntungan, atau kedua-dua jumlah keuntungan atau rugi, hendaklah dikongsi di antara orang yang membayar wang dan menerima wang tersebut; atau
- (b) Dengan atau tanpa apa-apa pulangan.

“Mudarabah” ialah kontrak Islamik antara pengeluar modal sebagai pemilik modal dan pengusaha sebagai pihak yang menguruskan modal tersebut, yang mensyaratkan sebarang keuntungan akan dikongsi antara kedua-dua pihak berdasarkan nisbah perkongsian keuntungan yang telah dipersetujui manakala kerugian kewangan pula hanya akan ditanggung oleh pengeluar modal. Pengusaha akan menanggung kerugian dari segi masa dan tenaga yang dicurahkan dan bukannya dari segi kewangan, kecuali apabila kerugian kewangan tersebut berpunca daripada salah laku dan kecuai yang sengaja oleh pihak pengusaha.

“Prinsipal” bermakna wang yang dilaburkan dalam produk Akaun Pelaburan-i yang ditawarkan oleh Bank, juga dikenali sebagai **“Modal”**.

“Notis Privasi” bermakna polisi dan prinsip HLB/HLISB berkaitan dengan pengumpulan, penggunaan dan penyimpanan maklumat peribadi individu dan entiti yang sedia ada dan yang bakal berurusan dengan HLB/HLISB seperti mana dipinda dan tersedia di laman sesawang HLB/HLISB atau dengan cara yang HLB/HLISB anggap wajar dari semasa ke semasa.

“Helaian Pendedahan Produk” atau **“BPP”** ialah dokumen yang mengandungi maklumat relevan tentang produk yang ditawarkan oleh Bank.

“Nisbah Perkongsian Keuntungan” atau **“PSR”** ialah nisbah pembahagian keuntungan yang telah ditentukan untuk dikongsi oleh Pelabur sebagai pengeluar Modal dan HLISB sebagai pengurus dana (juga dikenali sebagai “Pengusaha”).

“Aset-Aset Pembiayaan Perniagaan dan Runcit yang Layak” bermakna aset-aset pembiayaan runcit dan perniagaan milik HLISB yang telah dipilih untuk dilaburkan bagi mendapatkan pulangan yang stabil dan konsisten bagi tempoh pelaburan berkala.

“Dokumen Sekuriti” bermakna apa-apa sekuriti yang diambil atau dikehendaki oleh HLB/HLISB berhubung dengan Akaun dan termasuk apa-apa sekuriti lain yang diambil dari semasa ke semasa.

“**Pihak Sekuriti**” bermakna mana-mana orang atau pihak yang menyediakan sekuriti untuk mana-mana Akaun atau kemudahan yang disediakan kepada Pelanggan pada bila-bila masa atau dari semasa ke semasa.

“**Syariah**” membawa maksud undang-undang Islam yang berkaitan dengan setiap aspek kehidupan manusia yang ditetapkan oleh Tuhan untuk hamba-hamba-Nya. Undang-undang tersebut dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu: (i) undang-undang berkaitan kepercayaan (*akidah*) (ii) undang-undang berkaitan perbuatan (*fiqh*) dan (iii) undang-undang berkaitan etika (*akhlaq*).

“**Barang dan Perkhidmatan Patuh Syariah**” bermakna barang dan perkhidmatan yang boleh diterimapakai dan selaras dengan Syariah.

“**Cukai**” bermakna cukai Malaysia atau asing, pungutan, pengenaan, duti, caj, fi, pemotongan atau pemotongan apa pun, yang dikenakan oleh mana-mana kerajaan atau pihak berkuasa percukaian, pada masa sekarang, atau masa depan, secara langsung atau tidak langsung, termasuk, tanpa batasan, apa-apa cukai penggunaan dan cukai lain dengan nama apa pun yang disebut, dan apa-apa faedah, atau denda yang berkaitan dengannya.

“**Terma & Syarat**” atau “**T&S**” bermakna terma dan syarat yang tertera di sini dan meliputi apa-apa pindaan, perubahan dan tambahan yang dibuat dari semasa ke semasa oleh HLB/ HLISB dengan memberi notis awal dan adalah terpakai kepada semua akaun melainkan dinyatakan sebaliknya bagi jenis-jenis akaun tertentu (cth. Akaun Perbankan Islam).

“**Akaun Pelaburan Tidak Terhad**” bermakna sejenis akaun pelaburan dimana Pelabur memberi Bank mandat untuk membuat keputusan pelaburan muktamad tanpa memperincikan sebarang kekangan atau syarat.

1.2 Tafsiran

- (a) Perkataan yang menunjukkan jantina lelaki adalah termasuk jantina perempuan dan jantina neutral dan begitu juga sebaliknya.
- (b) Perkataan yang menandakan tunggal adalah termasuk jamak dan begitu juga sebaliknya.
- (c) Apabila Pelanggan terdiri daripada dua orang atau lebih, maka obligasi dan liabiliti setiap orang adalah bersama dan berasingan.

2. Kontrak Syariah

- 2.1 Akaun HLB Meezani-i ialah Akaun Pelaburan-i bertransaksi berdasarkan kontrak perkongsian keuntungan, yang dikenali sebagai kontrak Mudarabah. Pelanggan memainkan peranan sebagai pengeluar Modal dengan melabur di dalam Akaun. Bank menerima modal tersebut dan akan menguruskannya bagi pihak Pelanggan dengan melaburkan modal tersebut, selagi ia tidak melanggar tuntutan Syariah dan selaras dengan T&S termasuk mandat am Pelanggan.
- 2.2 Sebarang keuntungan yang diperoleh daripada pelaburan akan dikongsi antara Pelanggan dan Bank berdasarkan PSR yang telah ditetapkan. Sebarang kerugian kewangan (jika ada) akan ditanggung sepenuhnya oleh Pelanggan, selagi kerugian tersebut bukan disebabkan oleh penipuan, kecuaiian atau ingkar dengan sengaja oleh Bank. Kerugian lain seperti usaha dan/atau masa akan ditanggung oleh Bank.

3. Pelaburan

- 3.1 Akaun HLB Meezani-i diklasifikasikan di bawah Akaun Pelaburan Tidak Terhad, di mana Pelanggan memberikan Bank kuasa dan budi bicara untuk membuat keputusan pelaburan muktamad tanpa sekatan atau syarat termasuk menggunakan wang yang dikreditkan ke dalam Akaun untuk pelaburan atau memberikan pembiayaan.
- 3.2 Objektif pelaburan Akaun adalah untuk menjana pulangan yang stabil dan konsisten melalui pelaburan berisiko rendah.
- 3.3 Dana ini akan dilaburkan dalam asset-aset pembiayaan runcit yang layak, aset pembiayaan perniagaan yang layak dan HQLA Bank. Bank berhak untuk melaraskan peruntukan aset pada bila-

bila masa, dengan syarat pelarasan tersebut dibuat demi kepentingan terbaik kedua-dua pihak.

- 3.4 Bank akan menentukan pulangan bersih portfolio pelaburan, termasuk apa-apa perbelanjaan yang dibenarkan berkaitan dengan dana pelaburan.
- 3.5 Pelaburan akan dinilai secara bulanan dan keuntungan akan dibahagikan mengikut kadar PSR yang telah dipersetujui.
- 3.6 Metodologi penilaian untuk menilai aset pelaburan dan prestasinya adalah selaras dengan amalan industri dan konsisten dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("**MFRS**"). Prestasi aset pelaburan akan dipantau oleh Bank secara bulanan.
- 3.7 Laporan prestasi Dana akan disediakan setiap suku tahun dalam laman web Bank.
- 3.8 Bank boleh pada bila-bila masa mendedahkan maklumat yang wajar, tepat dan berkaitan dengan Akaun kepada Pelanggan melalui kaedah munasabah, seperti menyiarkan maklumat dalam laman web Bank bagi tujuan menyampaikan maklumat tersebut.
- 3.9 Pelanggan mengakui bahawa beliau memahami sepenuhnya risiko yang berkaitan dengan Akaun, termasuk kemungkinan mengalami kerugian kewangan untuk keseluruhan atau sebahagian daripada modal pelaburan dalam Akaun. Sekiranya Pelanggan memerlukan penjelasan lanjut, Pelanggan boleh menghubungi kakitangan HLB/HLISB sebelum melabur dalam Akaun.
- 3.10 Bank adalah ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("**PIDM**"). Akaun ini **TIDAK** dilindungi oleh PIDM.

4. Pembukaan Akaun

- 4.1 Pembukaan Akaun dibuat melalui borang ditetapkan oleh HLB/HLISB dan tertakluk pada keperluan HLB/HLISB, termasuk umur, deposit minimum, rujukan dan dokumen-dokumen sokongan yang boleh diterima oleh HLB/HLISB. HLB/HLISB boleh menukar keperluan itu pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa atas budi bicara mutlaknya setelah memberi notis awal.
- 4.2 Semua individu warganegara Malaysia yang mempunyai MyKad dan penduduk tetap yang mempunyai MyPR yang berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas boleh memohon pembukaan Akaun. Untuk mengelakkan keraguan, hanya satu nama dibenarkan sebagai pemegang Akaun.
- 4.3 Melainkan jika dikecualikan sebaliknya, sebarang permohonan untuk membuka Akaun hendaklah disertakan dengan HLCRP yang telah diisi lengkap.
- 4.4 Akaun hanya tersedia dalam Ringgit Malaysia ("RM").
- 4.5 Minimum deposit permulaan untuk membuka Akaun ialah Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM 100) dan baki minimum yang diperlukan untuk mengekalkan Akaun ialah Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM 50), melainkan jika dinasihatkan sebaliknya oleh HLB/HLISB.
- 4.6 Permohonan membuka apa-apa Akaun adalah tertakluk kepada kelulusan HLB/HLISB.

5. Pertukaran Butiran

- 5.1 Penting bagi Pelanggan untuk memastikan butiran Pelanggan seperti alamat, nombor hubungan, dan penandatanganan yang sah yang diberikan kepada HLB/HLISB ("Butiran Pelanggan") adalah tepat dan sentiasa dikemas kini. Ini adalah untuk membolehkan Bank menyampaikan komunikasi berkaitan dengan operasi akaun dan sebarang aktiviti berkaitan pemasaran.
- 5.2 Pelanggan hendaklah dengan segera memberitahu HLB/HLISB akan sebarang pertukaran butiran Pelanggan dengan menghubungi +603-7626 8899 atau mengunjungi mana-mana cawangan HLB/HLISB di seluruh negara.
- 5.3 Jika Pelanggan tidak memaklumkan HLB/HLISB akan sebarang pertukaran Butiran Pelanggan, maka

HLB/HLISB berhak berpegang kepada Butiran Pelanggan yang terakhir diketahui.

HLB/HLISB berhak menganggap butiran yang disampaikan oleh Pelanggan sebagai lengkap, benar dan betul dan berpegang kepada dan bertindak berpandukan butiran berkenaan. Pelanggan membenarkan dan memberi keizinan untuk HLB/ HLISB mendapatkan apa-apa maklumat lain Pelanggan daripada sebarang sumber termasuk tetapi **TIDAK** terhadap kepada CCRIS, FIS, CTOS atau mana-mana agensi rujukan kredit, Pihak Berkuasa Hasil Dalam Negeri atau mana-mana pihak berkuasa lain dan melalui apa-apa cara dan pada bila-bila masa yang dianggap sesuai oleh HLB/HLISB.

6. Arahan dan Notis

6.1 Pelanggan dengan ini membenarkan HLB/HLISB untuk:

- (a) bergantung pada dan bertindak berdasarkan notis atau arahan Pelanggan yang diberikan melalui cara berikut ("Arahan"):
 - (i) melalui telefon, pos, serahan tangan, transmisi faksimile, e-mel atau cara elektronik lain; dan
 - (ii) berdasarkan tandatangan yang kelihatan pada HLB/HLISB, dengan merujuk kepada nama dan tandatangan orang-orang tersebut yang diajukan kepada HLB/HLISB untuk menjadi tandatangan Pelanggan atau orang yang diberi kuasa oleh Pelanggan untuk mengeluarkan arahan tersebut.
- (b) memperlakukan semua Arahan tersebut yang diberikan sebagai mengikat Pelanggan tanpa pertanyaan mengenai identiti orang yang memberi atau bermaksud memberikan Arahan tersebut atau mengenai kesahihan Arahan tersebut.

6.2 HLB/HLISB boleh berhenti daripada menjalankan apa-apa arahan atau transaksi berkaitan dengan Akaun pada bila-bila masa dengan memberi notis awal sekiranya salah satu situasi berikut berlaku:

- (a) HLB/HLISB dimaklumkan bahawa Pelanggan telah melakukan tindakan kebangkrapan dan/atau notis kebangkrapan, petisyen penggulangan dan/atau petisyen pemiutang untuk kebangkrapan telah difailkan atau dibentangkan kepada Pelanggan ("hal-hal insolvens i Pelanggan");
- (b) HLB/HLISB dimaklumkan dan diminta oleh mana-mana pihak berkuasa, seperti BNM, Polis Diraja Malaysia, Kerajaan Malaysia atau mana-mana pihak berkuasa berkanun atau badan kerajaan lain ("pihak berkuasa") untuk menghalang daripada melakukan sebarang transaksi Akaun.

6.3 HLB/HLISB boleh merakam semua perbualan dan Arahan telefon dan boleh menggunakan rakaman dan transkrip tersebut sebagai bukti dalam sebarang pertikaian.

6.4 Pelanggan akan menanggung risiko Arahan yang diberikan dengan cara yang dinyatakan di sini termasuk risiko Arahan tersebut diberikan oleh orang yang tidak dibenarkan dan / atau apa-apa kesalahan, kehilangan atau kelewatan yang disebabkan oleh penggunaan peranti telekomunikasi, rangkaian atau cara elektronik.

6.5 Pelanggan bersetuju dan berjanji untuk membayar kepada HLB/HLISB di atas permintaan bertulis daripada HLB/HLISB, bagi segala kerugian, tuntutan, permintaan, kerosakan, perbelanjaan dan segala liabiliti lain yang mungkin ditanggung oleh HLB/ HLISB akibat HLB/HLISB menerima dan bertindak berpandukan Arahan Pelanggan selaras dengan Klausula 6.

6.6 Apa-apa notis daripada Pelanggan kepada HLB/HLISB (yang ditujukan kepada Cawangan di mana Akaun tersebut diselenggara), jika dihantar melalui pos atau khidmat kurier atau ditinggalkan di Cawangan **TIDAK akan dianggap telah diserahkan kepada HLB/HLISB melainkan ada akuan penerimaan oleh HLB/HLISB secara bertulis.**

7. Perubahan Arahan / Pertikaian Pelanggan

7.1 HLB/HLISB boleh menutup mana-mana Akaun selaras dengan Klausula 17 di dalam ini atau menggantung pengendalian mana-mana Akaun sekiranya berlaku salah satu atau lebih yang berikut:

- (a) HLB/HLISB dengan niat baik meragui kuasa atau kesahihan apa-apa Arahan yang didakwa diberikan oleh Pelanggan termasuk perubahan atau pembatalan Arahan yang dikeluarkan oleh Pelanggan; ATAU
- (b) apabila berlaku perubahan perlembagaan sama ada disebabkan kematian, peletakan jawatan, insolvensi, ketakupayaan atau sebaliknya; ATAU pembiayaan keganasan atau apa-apa skim atau aktiviti penipuan yang menyalahi di sisi undang-undang atau berlaku pelanggaran mana-mana garis panduan atau aturan yang dikeluarkan oleh BNM atau mana-mana pihak berkuasa lain; ATAU
- (c) untuk mematuhi mana-mana undang-undang, perintah mahkamah, peraturan, sekatan dan/atau enakmen atau arahan pihak berkuasa pengawal selia atau penguatkuasaan.

7.2 Sekiranya peristiwa Klausula 7.1(c) berlaku dan HLB/HLISB telah menggantung pengendalian Akaun Pelanggan, maka tiada lagi pengendalian Akaun akan dibenarkan sehinggalah HLB/HLISB menerima arahan bertulis daripada Pelanggan berkenaan dengan Akaun atau apa pun, daripada satu pihak yang pada pendapat mutlak HLB/HLISB mempunyai kuasa sah di sisi undang-undang untuk mengeluarkan Arahan mengenai Akaun.

8. Deposit dan Pengeluaran

- 8.1 Akaun ini tidak mempunyai tempoh matang. Pelanggan boleh membuat deposit dan pengeluaran pada bila-bila masa (tertakluk pada syarat deposit dan pengeluaran minimum yang dikehendaki HLB/HLISB) dengan mengisi borang ditetapkan dan menunjukkan dokumen-dokumen yang dikehendaki oleh HLB/HLISB.
- 8.2 Semua cek dan instrumen kewangan lain boleh diterima untuk kutipan tetapi hasil kutipannya **TIDAK** akan dikreditkan/digunakan sehingga HLB/HLISB telah menerima pembayaran baginya. Cek dan instrumen kewangan lain yang didepositkan ke dalam Akaun **TIDAK** boleh, melainkan dengan pengaturan yang khas, dikeluarkan daripadanya sehingga hasil kutipan sebenarnya telah diterima oleh HLB/HLISB.
- 8.3 HLB/HLISB berhak menolak untuk menerima kutipan bagi cek dan instrumen kewangan lain yang menurut pendapat HLB/HLISB adalah di luar kebiasaan dalam apa cara pun atau yang ternyata **TIDAK** selaras dengan kehendak Syariah atau mungkin telah dipinda dalam apa cara pun walaupun pindaan itu telah ditandatangani balas oleh penyuruh bayar.
- 8.4 Cek yang diterima untuk kutipan tetapi tak laku boleh dikembalikan kepada Pelanggan atas risiko dan perbelanjaan Pelanggan sendiri.
- 8.5 HLB/HLISB berhak membayar Pelanggan apa-apa amaun yang dikeluarkan secara tunai, cek jurubank dan/atau bentuk kiriman wang/cara lain yang disediakan oleh HLB/HLISB, termasuk cara pindahan kepada akaun Pelanggan dengan mana-mana bank lain selaras dengan arahan bertulis Pelanggan dan apa-apa keperluan undang-undang atau peraturan berkenaan.
- 8.6 Pelanggan dikehendaki memilih "Akaun Semasa" apabila melakukan pengeluaran tunai daripada Akaun di ATM yang:
 - (a) Disediakan oleh HLB/HLISB atau mana-mana ahli Rangkaian ATM Kongsi (SAN); dan/atau
 - (b) Ditetapkan oleh HLB/HLISB atau Visa/MasterCard.

Untuk mengelakkan keraguan, walaupun Akaun ini adalah produk Akaun Pelaburan- i, sesetengah transaksi Akaun mungkin dipaparkan sebagai "Akaun Semasa" atau "AS".

9. Dana Mencukupi

Pelanggan hendaklah memastikan terdapat dana jelas dan mencukupi dalam Akaun untuk melaksanakan sebarang transaksi yang diarah oleh Pelanggan termasuk apa-apa pengeluaran yang dibuat oleh Pelanggan.

10. Keuntungan

- 10.1 Keuntungan dikira dan diakru/dikumpul setiap hari berdasarkan baki akhir hari tertakluk kepada PSR mengikut kadar keuntungan indikatif. Kadar keuntungan indikatif dan PSR boleh didapati di laman sesawang korporat Bank di www.hlisb.com.my ("**Laman HLISB**"). Jika terdapat perubahan terhadap Kadar Dasar Semalaman (OPR), kadar keuntungan indikatif (selepas perubahan OPR) berkemungkinan akan berubah.
- 10.2 Sebarang perubahan pada PSR akan diterbitkan di Laman Web HLISB atau diiklankan oleh Bank melalui sebarang cara lain yang difikirkan sesuai oleh Bank. Pelanggan diingatkan untuk melawat Laman Web HLISB secara berkala bagi mendapatkan PSR terkini yang terpakai. Dengan terus menggunakan atau mengendalikan Akaun, Pelanggan dianggap bersetuju dengan PSR yang berkuat kuasa.
- 10.3 Sekiranya keuntungan sebenar sama dengan atau lebih rendah daripada kadar keuntungan indikatif, keuntungan akan diagihkan berdasarkan PSR. Walau bagaimanapun, jika kadar keuntungan sebenar melebihi kadar keuntungan indikatif, Pelanggan bersetuju untuk melepaskan jumlah perbezaan kepada Bank.
- 10.4 Keuntungan akan dikreditkan ke dalam Akaun pada setiap akhir bulan selaras dengan amalan semasa HLB/HLISB (jika berkenaan).

11. Kad Debit-i

- 11.1 Kad Debit-i untuk mengendalikan Akaun akan dikeluarkan kepada Pelanggan kecuali jika Pelanggan memegang Kad Debit/Kad Debit-i sedia ada yang dikeluarkan oleh HLB/HLISB kepada Pelanggan.
- 11.2 Setiap Pelanggan hanya akan diberikan satu (1) Kad Debit-i dan Pemegang Kad boleh menghubungkan Akaun atau mana-mana Akaun Simpanan/Akaun Simpanan-i atau Akaun Semasa/Akaun Semasa-i Pemegang Kad kepada Kad Debit-i untuk membuat Transaksi Pembelian Runcit.
- 11.3 Fi dan caj untuk Kad Debit-i akan ditanggung oleh Pelanggan.

12. Akaun Tidak Aktif

- 12.1 HLB/HLISB boleh menganggap Akaun sebagai tidak aktif sekiranya tiada transaksi untuk tempoh **dua belas (12)** bulan berturut-turut atau sebarang tempoh lain yang ditentukan oleh HLB/HLISB.
- 12.2 Apabila Akaun dianggap tidak aktif, Pelanggan boleh memilih untuk mengaktifkan semula akaun tersebut atau menutup akaun tersebut sebelum baki dipindahkan kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut.
- 12.3 HLB/HLISB berhak untuk mengenakan caj ke atas Akaun tidak aktif mengikut budi bicara mutlaknya pada kadar yang dinyatakan di Laman Web HLISB.
- 12.4 Sebarang wang yang dikreditkan ke dalam Akaun yang **TIDAK** dikendalikan selama **tujuh (7)** tahun atau lebih akan diklasifikasikan sebagai wang tak dituntut di bawah Seksyen 8 Akta Wang Tak Dituntut 1965 ("**UMA**") dan akan dikendalikan oleh HLB/HLISB selaras dengan UMA, tertakluk kepada sebarang pindaan dari semasa ke semasa. Ini juga termasuk kemungkinan penyerahan wang tersebut kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut menurut UMA.

13. Hak Tolak-Selesai dan Penyatuan

- 13.1 Tanpa menjejaskan apa-apa remedi lain yang ada pada HLB/HLISB, maka HLB/HLISB berhak untuk menggabungkan Akaun atau mana-mana Akaun Pelanggan dalam HLB/HLISB dalam apa pun jenisnya (sama ada akaun semasa, deposit, pinjaman, akaun berasingan atau bersama) terhadap liabiliti Pelanggan dengan HLB/HLISB setelah memberi notis awal **tujuh (7)** hari dan menjalankan

hak tolak-selesai dan memindah milik apa-apa jumlah kredit dalam mana-mana Akaun tersebut bagi menyelesaikan apa-apa liabiliti Pelanggan kepada HLB/HLISB di bawah mana-mana Akaun, perjanjian atau kontrak, sama ada liabiliti tersebut adalah primer, kolateral, bersama atau berasingan atau dalam apa-apa mata wang lain.

- 13.2 Jika baki kredit dalam mana-mana Akaun tersebut atau apa-apa bayaran yang dibuat atau diterima **BUKAN** dalam **Ringgit Malaysia** atau dalam apa-apa mata wang lain yang saling dipersetujui, maka HLB/HLISB berhak menukar mata wang itu dan untuk tujuan ini nilai setara Ringgit Malaysia akan ditentukan oleh HLB/HLISB atas budi bicara mutlaknya pada kadar pertukaran semerta semasa HLB/HLISB.
- 13.3 Hak-hak HLB/HLISB di bawah ini **TIDAK** terjejas apabila Pelanggan jatuh bankrap, gila atau meninggal dunia.

14. Tiada Tolak-Selesai atau Tuntutan Balas oleh Pelanggan

Sehingga semua wang yang terhutang telah dibayar atau dilangsaikan sepenuhnya, Pelanggan tidak akan dengan cara melunaskan apa-apa jumlah wang yang boleh diperoleh kembali oleh HLB/HLISB atau dengan apa-apa cara lain atau atas apa-apa alasan lain menuntut tolak-selesai atau menuntut balas terhadap HLB/HLISB berkenaan apa-apa liabiliti daripada HLB/HLISB kepada Pelanggan atau mana-mana pihak lain. Pelanggan bersetuju bahawa tiada apa-apa pun dalam perkiraan antara HLB/HLISB dengan Pelanggan dan/atau mana-mana pihak lain dapat disifatkan sebagai satu persetujuan tersirat yang membatasi atau meniadakan sebarang lien, gadaian, sandaran, hak tolak-selesai atau hak lain yang HLB/HLISB sedia ada atau tersirat menurut undang-undang.

15. Lien

HLB/HLISB dibenarkan untuk menjalankan lien ke atas segala wang dan harta benda Pelanggan dan mana-mana pihak cagaran yang (atas apa jua sebab) berada dalam atau yang bagaimanapun berada dalam pemilikan atau kawalan HLB/HLISB. HLB/HLISB boleh melupuskan atau menjual harta benda tersebut dan menggunakan hasil jualan selepas ditolak perbelanjaan untuk melunaskan apa-apa obligasi, hutang-piutang dan liabiliti yang Pelanggan berhutang dengan HLB/HLISB.

16. Penggunaan Bayaran

Walau apa pun dinyatakan bertentangan dengan apa terkandung di dalam ini, HLB/HLISB berhak menggunakan apa-apa bayaran yang diterima daripada Pelanggan atau mana-mana orang lain membuat bayaran bagi pihak Pelanggan (tanpa mengira sama ada tujuan bayaran dinyatakan atau tidak) untuk melunaskan secara keseluruhan atau sebahagian mana-mana amaun prinsipal, keuntungan (termasuk caj pampasan) atau apa-apa jumlah wang yang Pelanggan berhutang dengan HLB/HLISB mengikut apa-apa susunan yang HLB/HLISB dapati wajar.

17. Penggantungan/Pembekuan dan Penutupan Akaun

17.1 Penggantungan Akaun

- 17.1.1 HLB/HLISB boleh mengikut budi bicaranya menggantung/membeku operasi mana-mana atau semua Akaun dengan memberi notis bertulis kepada Pelanggan atas apa-apa sebab termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut:

- (a) HLB/HLISB dengan niat baik meragui kuasa atau kesahihan sebarang arahan yang didakwa diberikan oleh Pelanggan termasuk perubahan atau pembatalan arahan yang diberi oleh Pelanggan;
- (b) sekiranya terdapat perubahan pada status Pelanggan sama ada disebabkan oleh peristiwa seperti kematian, kebangkrutan, ketidakupayaan mental atau sebaliknya;
- (c) apabila pada pendapat tunggal HLB/HLISB, terdapat bukti pertikaian berkaitan dengan mana-mana Akaun;
- (d) HLB/HLISB percaya atau mengesyaki bahawa Akaun tersebut digunakan untuk pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan atau skim penipuan atau haram yang lain;
- (e) Pelanggan telah salah menyatakan identiti Pelanggan dan/atau memberi maklumat atau dokumen palsu, salah atau mengelirukan berkaitan dengan Akaun;
- (f) Pelanggan gagal memaklumkan kepada HLB/HLISB dengan segera mengenai sebarang perubahan terhadap Butiran Pelanggan menurut Klausula 5 atau gagal mengemas kini Butiran

- Pelanggan apabila diminta;
- (g) Pelanggan gagal mengambil tindakan dan/atau memberi maklumat dan/atau dokumen yang diminta secara munasabah oleh HLB/HLISB bagi tujuan pematuhan cukai, undang-undang dan/atau peraturan dalam tempoh masa yang telah dimaklumkan oleh HLB/HLISB;
 - (h) terdapat sebarang perintah, arahan atau sekatan yang dikeluarkan oleh mana-mana mahkamah atau pihak berkuasa kawal selia yang menyekat atau melarang Akaun tersebut daripada dikendalikan;
 - (i) laporan polis telah dibuat terhadap Pelanggan atau berkaitan dengan Akaun; 9
 - (j) siasatan sedang dijalankan oleh pihak berkuasa atau oleh HLB/HLISB terhadap Pelanggan atau berkaitan dengan Akaun;
 - (k) apa-apa kemudahan yang diberi kepada Pelanggan melalui Akaun telah digantung, ditarik balik atau ditamatkan atas sebarang sebab;
 - (l) pelanggan telah gagal untuk menyelesaikan sebarang amaun yang terhutang dan perlu dibayar kepada HLB/HLISB di bawah mana-mana kemudahan pembiayaan, sama ada sebagai Pelanggan, pihak sekuriti atau penjamin;
 - (m) Pelanggan menyalahgunakan perkhidmatan elektronik atau perbankan internet atau sistem IT HLB/HLISB; dan/atau
 - (n) Pelanggan melanggar mana-mana Terma dan Syarat ini.

18. Penutupan Akaun

- 18.1 HLB/HLISB boleh menutup Akaun dengan memberi notis bertulis kepada Pelanggan tanpa perlu memberi apa jua sebab atas penutupan itu. HLB/HLISB akan terlepas daripada segala liabiliti setelah menyampaikan atau menghantar kepada Pelanggan di alamat terakhir yang diberitahu kepada HLB/HLISB baki, jika ada, dalam kredit Akaun dalam bentuk cek jurubank atau apa-apa kiriman wang lain.
- 18.2 Setelah penutupan Akaun sama ada oleh Pelanggan atau oleh **HLB/HLISB**, semua cek yang belum digunakan yang dikeluarkan hendaklah menjadi hak milik HLB/HLISB dan Pelanggan hendaklah mengembalikannya dengan serta-merta kepada HLB/HLISB.
- 18.3 Tanpa menjejaskan keperluan dalam Klausa 18.1 di atas, HLB/HLISB boleh menutup Akaun selaras dengan garis panduan BNM berkaitan dengan kebangkrutan.
- 18.4 Sekiranya wang termasuk apa-apa keuntungan terakru dalam kredit Akaun dihantar kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut menurut UMA dan apa-apa pindaan statutori ke atasnya, maka Akaun berkenaan akan ditutup.
- 18.5 Pelanggan mengakui bahawa terdapat keadaan di mana HLB/HLISB tidak berhak mendedahkan alasannya untuk melaksanakan budi bicaranya untuk menggantung/membekukan atau menutup Akaun.
- 18.6 HLB/HLISB berhak mengenakan caj perkhidmatan sekiranya Akaun ditutup dalam tempoh **enam (6) bulan** dari tarikh akaun dibuka atau apa-apa tempoh lain yang ditentukan oleh HLB/HLISB setelah memberi notis awal **dua puluh satu (21) hari**.

19. Penyata Akaun

- 19.1 Penyata bagi Akaun akan dikeluarkan sebulan sekali atau pada tempoh masa yang ditentukan oleh HLB/HLISB. Pelanggan mestilah memeriksa semua butiran dalam penyata akaun tersebut, atau dalam hal Hong Leong Online bagi Pelanggan Persendirian atau Perniagaan, memeriksa Penyata Akaun Online, dan segera melaporkan kepada HLB/HLISB sebarang kesilapan di dalamnya. Jika dalam masa **empat belas (14) hari** (atau tempoh masa lain yang ditentukan oleh HLB/HLISB dalam penyata/notis/Pyenyata Akaun Online) selepas menerima penyata akaun atau dari Tarikh Penyata bagi Penyata Akaun Online, Pelanggan tidak membantah apa-apa butiran di dalam ini maka Pelanggan akan dianggap bersetuju menerima butiran yang dikemas sehingga tarikh catatan/entri akhir dalam penyata akaun / Penyata Akaun Online, seperti contoh Hong Leong Online bagi Pelanggan Persendirian atau Perniagaan, sebagai betul dan melepaskan HLB/HLISB daripada segala liabiliti.
- 19.2 Dalam semua hal, satu penyata baki berakhir pada 30 Jun dan 31 Disember atau pada tempoh masa/tarikh yang ditentukan oleh HLB/HLISB akan dihantar kepada Pelanggan yang diminta membuat

pengesahan dengan mengembalikan slip pengesahan yang telah ditandatangani untuk tujuan audit. Sekiranya tiada apa-apa bantahan terhadap penyata itu dalam tempoh **empat belas (14)** hari (atau apa-apa tempoh masa lain yang ditentukan oleh HLB/HLISB dalam penyata atau notis) setelah diterima oleh Pelanggan, maka Akaun akan dianggap telah mendapat pengesahan.

20. Kos, Perbelanjaan, Cukai dan Caj Lain

20.1 Tertakluk pada Klausula 13, HLB/HLISB berhak mengenakan dan menolak daripada atau mendebit Akaun bagi:

- (a) fi perkhidmatan dan pelbagai caj lain, termasuk caj bank yang biasa, komisen dan duti setem, atas semua transaksi dan perkhidmatan yang disediakan pada kadar seperti mana diberitahu dari semasa ke semasa;
- (b) yuran guaman (atas dasar peguam cara dan anak guam) yang ditanggung untuk mendapatkan kembali wang yang terhutang kepada HLB/HLISB, pada tempoh rehat yang ditetapkan oleh HLB/HLISB dari tarikh wang tersebut dibayar atau dibelanjakan atau terhutang sehingga tarikh penyelesaian; dan
- (c) mengikut mana yang berkenaan, caj perkhidmatan Akaun dan apa-apa keuntungan atas baki kredit akan dikira mengikut peraturan AIBIM atau Bank.

20.2 HLB/HLISB mempunyai hak mutlak untuk mengubah fi perkhidmatan, komisen dan caj-caj lain pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa setelah memberi notis awal **dua puluh satu (21)** hari.

20.3 Bayaran perkhidmatan, komisen dan caj lain-lain yang perlu dibayar oleh Pelanggan kepada HLB/HLISB di bawah T&S ini adalah tidak termasuk sebarang Cukai, yang jika perlu dibayar, akan dibayar oleh Pelanggan tanpa tolak selesai, sekatan atau syarat.

20.4 Sekiranya HLB/HLISB dikehendaki undang-undang supaya memotong atau menahan apa-apa amaun berkenaan dengan Cukai yang perlu dibayar oleh Pelanggan, HLB/HLISB berhak memotong atau menahan amaun tersebut dalam Akaun atau sebarang amaun perlu dibayar oleh Pelanggan, mengikut kesesuaian.

20.5 Fi dan caj standard berhubung dengan Akaun dan Kad Debit-i akan terpakai dan boleh didapati di laman web Bank.

Akaun HLB Meezani-i	Kad Debit-i
www.hlisb.com.my/akaunpelaburan-i	www.hlisb.com.my/dci1
	

21. Waktu dan/atau Hari Perniagaan

Waktu dan/atau hari perniagaan HLB/HLISB boleh dilanjutkan, diubah atau sebaliknya dipinda selaras dengan keperluan perniagaan dan operasinya setelah memberi notis awal.

22. Penepian

Kegagalan atau kelewatan HLB/HLISB dalam menjalankan ataupun ketinggalan menjalankan hak, kuasa, keistimewaan atau remedi yang ada pada HLB/HLISB di bawah T&S ini sama sekali tidak

akan menjejaskan hak, kuasa, keistimewaan atau remedi tersebut atau ditafsirkan sebagai penepian atau persetujuan terhadap keingkaran itu, begitu juga apa-apa tindakan oleh HLB/HLISB berkenaan keingkaran atau persetujuan terhadap keingkaran tersebut tidak akan menjejaskan hak, kuasa, keistimewaan atau remedi HLB/HLISB berkenaan apa-apa keingkaran lain atau kemudiannya.

23. Akur Janji Pelanggan

- 23.1 Sebagai tambahan dan tanpa menjejaskan kuasa, hak dan remedi yang diberikan kepada HLB/HLISB dalam Terma & Syarat ini, di sisi undang-undang dan/atau ekuiti, Pelanggan dengan ini bersetuju dan berjanji untuk membayar balik dan menjelaskan kepada HLB/HLISB atas permintaan bertulis HLB/HLISB, semua kerugian, ganti rugi, kos dan perbelanjaan (termasuk tetapi **TIDAK** terhad kepada perbelanjaan guaman atas dasar peguam cara dan anak guam sendiri) yang mungkin dialami atau ditanggung oleh HLB/HLISB akibat daripada sebarang kemungkiran pembayaran oleh Pelanggan bagi mana-mana jumlah yang terhutang termasuk tetapi **TIDAK** terhad kepada sebarang pampasan/caj atau fi yang dibayar atau perlu dibayar berkenaan dengan sebarang dana yang digunakan, dipinjam/dibiayai atau deposit daripada pihak ketiga untuk mengekalkan jumlah yang tidak dibayar atau dalam melikuidasi atau menggunakan semula dana atau deposit tersebut atau untuk sebarang pelanggaran mana-mana T&S ini.
- 23.2 Pelanggan selanjutnya bersetuju dan berjanji membayar balik dan membayar kepada HLB/HLISB atas permintaan bertulis HLB/HLISB bagi segala kerugian, kos dan caj yang ditanggung oleh HLB/HLISB kerana pihaknya menjamin sebarang pengendorsan, atau pelepasan atas apa-apa cek, bil, nota, draf, dividen waran atau apa-apa instrumen lain yang diserahkan oleh Pelanggan untuk kutipan dan setiap jaminan tersebut yang diberi oleh HLB/HLISB akan dianggap telah diberi atas permintaan nyata Pelanggan dalam setiap kes..

24. Batasan Liabiliti

- 24.1 Kecuali bagi ganti rugi yang berbangkit secara langsung daripada keingkaran sengaja atau kecuai melampau HLB/HLISB, maka dengan itu HLB/HLISB **TIDAK** akan bertanggungjawab b terhadap Pelanggan dan/atau mana-mana pihak ketiga bagi apa-apa kerugian (sama ada secara langsung atau tidak langsung) keuntungan atau perniagaan atau nama baik atau apa-apa kerugian atau kerosakan secara tidak langsung atau berbangkit apa jua pun yang berbangkit meskipun HLB/HLISB telah dimaklumkan akan kemungkinan kerugian atau kerosakan atau tuntutan oleh mana-mana pihak ketiga.
- 24.2 Tertakluk pada peruntukan di dalam ini, liabiliti penuh dan mutlak HLB/HLISB terhadap Pelanggan dari segi kontrak, "tort" (termasuk kecuai atau kemungkiran kewajipan statutori) atau sebaliknya yang timbul oleh sebab atau berkaitan dengan T&S ini atau walau apa pun **TIDAK** akan melebihi amaun transaksi terlibat yang menimbulkan tuntutan atau kerosakan secara langsung yang dialami, mengikut mana yang lebih rendah.
- 24.3 Setiap peruntukan Klausu 23 ini hendaklah ditafsirkan sebagai suatu batasan yang berasingan yang diguna pakai dan bertahan biarpun atas sebab salah satu peruntukan itu tidak boleh diguna pakai atau dianggap tak munasabah dalam apa pun keadaan dan akan kekal berkuat kuasa walaupun Akaun atau perkhidmatan ditamatkan.

25. Force Majeure

Walau apa pun peruntukan lain di dalam ini, sekiranya HLB/HLISB tidak dapat melaksanakan apa-apa operasi atau menyediakan apa-apa perkhidmatan atas sebarang sebab di luar kawalan HLB/HLISB, termasuk tetapi **TIDAK** terhad kepada kebakaran, gempa bumi, banjir, wabak, bencana alam, kemalangan, rusuhan, kacau bilau awam, pertikaian perindustrian, perbuatan musuh awam, embargo, peperangan atau apa-apa faktor bersifat force majeure atau kegagalan atau gangguan telekomunikasi, bekalan elektrik, air dan bekalan bahan api, maka HLB/HLISB **TIDAK** sekali-kali bertanggungjawab terhadap kesulitan, kerugian, kecederaan, dan kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan akibat daripadanya.

26. Kebolehasingan

Jika mana-mana peruntukan, terma atau syarat di dalam ini atau apa-apa dokumen cagar yang diambil adalah atau menjadi kesalahan di sisi undang-undang, terbatal, tidak sah, terlarang atau tidak boleh dikuatkuasakan dari segenap segi, maka peruntukan tersebut adalah tidak efektif setakat kepenyalahan undang-undang, pembatalan, ketidaksahan, larangan atau ketidak boleh kuatkuasaan tanpa membatalkan, dalam apa cara sekalipun, peruntukan-peruntukan selebihnya dalam T&S ini atau dokumen cagar berkenaan, mengikut mana yang berkenaan.

27. Notis oleh HLB/HLISB

27.1 Apa-apa pemberitahuan daripada HLB/HLISB kepada Pelanggan boleh diberi dengan salah satu cara berikut:

- (a) dengan pos biasa atau pos berdaftar atau kurier atau dengan tangan dihantar kepada atau ditinggalkan di alamat Pelanggan terakhir yang diketahui dan berdaftar dengan HLB/HLISB dan akan dianggap telah diterima oleh Pelanggan dalam tempoh **tiga (3)** hari perniagaan setelah diposkan jika dihantar melalui pos biasa atau pos berdaftar dan dalam tempoh **dua (2)** hari perniagaan setelah dihantar jika melalui kurier atau setelah diakui penerimaannya jika dengan tangan; atau
- (b) melalui notis am dalam satu akhbar utama atau dihebahkan di premis cawangan HLB/HLISB atau pada skrin visual menerusi komputer atau terminal visual atau di laman sesawangnya "www.hlb.com.my/www.hlisb.com.my", dan notis tersebut akan dianggap telah dihantar atau efektif dari tarikh notis tersebut diedarkan atau tarikh yang dinyatakan di dalam notis tersebut.

27.2 Apa-apa perubahan, termasuk tetapi **TIDAK** terhad kepada T&S ini, ciri-ciri sebarang produk kewangan dan hak serta obligasi Pelanggan akan diberitahu kepada Pelanggan dengan cara yang disebut dalam Klausa 26.1 di atas sebelum perubahan itu diperkenalkan.

28. Pendedahan

Di samping pendedahan dibenarkan di bawah Jadual 11 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam, Pelanggan membenarkan dan memberi keizinan kepada HLB/HLISB, para pegawai dan pekerjaanya untuk mendedahkan dan membekalkan segala maklumat mengenai Akaun, T&S ini, akaun Pelanggan pada masa ini dan masa akan datang dan apa-apa hal lain berkaitan dengan Pelanggan atau perniagaan dan operasinya kepada:

- (a) institusi kewangan lain yang memberi atau bercadang memberi kemudahan kredit kepada Pelanggan, Biro Kredit Pusat atau mana-mana biro kredit pusat lain yang ditubuhkan oleh BNM, Cagamas Berhad, Credit Guarantee Corporation, atau mana-mana pihak berkuasa berkenaan yang dibenarkan undang-undang untuk mendapat apa-apa maklumat tersebut atau pihak berkuasa/agensi yang ditubuhkan oleh BNM atau mana-mana agensi yang ditubuhkan oleh AIBIM;
- (b) mana-mana perbadanan masa kini atau akan datang yang bersekutu atau berkaitan dengan Bank (seperti yang ditakrif dalam Akta Syarikat 2016), termasuk pejabat wakil dan cawangan dan wakil mereka masing-masing serta subsidiary syarikat induk HLB/HLISB;
- (c) pihak cagar atau mana-mana pihak yang bercadang menyediakan cagar untuk Akaun;
- (d) juruaudit HLB/HLISB, peguam cara dan/atau ejen bersabit dengan pemerolehan kembali wang terhutang dan kena dibayar di bawah ini; dan
- (e) penasihat profesional HLB/HLISB, penyedia perkhidmatan, penama, ejen, kontraktor atau penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang terlibat dalam penyediaan produk dan perkhidmatan kepada atau oleh HLB/HLISB dan syarikat-syarikat berkaitan atau bersekutunya.

Dengan ini Pelanggan memberi keizinan bagi pendedahan tersebut dan mengesahkan bahawa HLB/HLISB, para pegawai dan pekerjaanya tidaklah menanggung liabiliti kerana memberikan maklumat tersebut atau kerana akibat berpegang kepada maklumat yang diberi menurut T&S ini.

29. Persetujuan untuk Memproses Maklumat Peribadi

Pelanggan dengan ini bersetuju dan memberi keizinan kepada pegangan, pengumpulan dan penggunaan semua data peribadi yang diberikan kepada HLB/HLISB oleh Pelanggan atau yang diperoleh oleh HLB/HLISB daripada domain awam, serta data peribadi yang timbul hasil daripada

penyediaan perkhidmatan kepada Pelanggan berkaitan dengan Akaun selaras dengan Notis Privasi HLB/HLISB yang mungkin dipinda dari semasa ke semasa.

30. Anti-Rasuah, Anti-Penyelewengan dan Pemberian Maklumat

30.1 Dengan ini Pelanggan mengesahkan bahawa HLB/HLISB mengamalkan dasar tanpa toleransi terhadap sebarang bentuk rasuah dan korupsi selari dengan Polisi ABC.

30.2 Dengan ini Pelanggan mengesahkan dan beraku janji seperti berikut:

- (a) Pelanggan telah membaca dan memahami Polisi ABC; dan
- (b) untuk memberitahu HLB/HLISB tentang ketidakpatuhan atau percubaan ketidakpatuhan kepada Polisi ABC dan/atau Undang-undang Anti Rasuah oleh mana-mana pekerja HLBG atau individu yang berkaitan dengan HLBG dengan mengadakan hal tersebut selaras dengan Polisi Pemberian Maklumat HLB/HLISB.

31. Terma & Syarat

31.1 Pengendalian dan penggunaan Akaun adalah tertakluk pada T&S ini dan apa-apa terma dan syarat lain yang ditetapkan oleh HLB/HLISB. Pelanggan boleh mengubah atau meminda terma ini dengan syarat dipersetujui oleh HLB/HLISB secara bertulis.

Pelanggan mengesahkan dan bersetuju bahawa penggunaan Akaun adalah untuk aktiviti atau tujuan Barangan dan Perkhidmatan yang patuh Syariah dan jika ia digunakan untuk aktiviti atau tujuan yang tidak patuh Syariah, ia bukanlah di bawah tanggungjawab Bank.

31.2 Bank berhak pada bila-bila masa dengan notis **dua puluh satu (21)** hari kalendar untuk menambah, membuang, menggantung atau mengubah T&S yang terkandung di dalam ini, secara keseluruhan atau sebahagian, mengikut budi bicaranya melalui paparan di laman web Bank, atau melalui apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh Bank. Pelanggan bersetuju untuk mengakses laman web secara berkala untuk melihat T&S dan memastikan mereka sentiasa dikemas kini mengenai sebarang perubahan atau pengubahsuaian kepada T&S. Pembukaan dan penyelenggaraan berterusan Akaun oleh Pelanggan adalah menjadi persetujuan Pelanggan untuk terikat dengan T&S ini.

31.3 T&S ini mesti dibaca bersama-sama dengan BPP dan akan ditafsirkan sebagai satu perjanjian tunggal antara Bank dan Pelanggan. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara peruntukan T&S ini dan BPP, peruntukan T&S ini akan diutamakan.

31.4 Ciri atau Perkhidmatan Baharu/Tambahan - Jika Bank menawarkan ciri atau perkhidmatan baharu atau tambahan kepada Pelanggan, maka penerimaan Pelanggan dengan cara yang ditetapkan oleh Bank dan penggunaan ciri atau perkhidmatan baharu atau tambahan itu akan dianggap sebagai penerimaan Pelanggan terhadap T&S ini dan terma dan syarat tambahan tersebut (jika ada) seperti mana ditetapkan oleh Bank tertakluk pada patuh Syariah.

31.5 Jika terdapat percanggahan antara T&S ini dengan terma dan syarat bagi mana-mana perkhidmatan perbankan elektronik, telefon dan/atau internet yang disediakan oleh HLB/HLISB, maka T&S bagi perkhidmatan perbankan elektronik, telefon dan/atau internet itu akan diutamakan hanya setakat percanggahan tersebut.

32. Undang-undang & Bidang Kuasa

T&S ini adalah tertakluk pada dan ditafsirkan dalam semua segi menurut undang-undang Malaysia tetapi dalam menguatkuasakan hak-haknya, HLB/HLISB adalah bebas untuk memulakan dan mengambil tindakan atau prosiding atau sebaliknya terhadap Pelanggan dan mana-mana pihak dalam Malaysia dan/atau negara lain jika didapati wajar oleh HLB/HLISB. Pelanggan bersetuju bahawa apabila apa-apa tindakan atau prosiding diambil di Malaysia, pihaknya akan akur kepada bidang kuasa bukan eksklusif mahkamah-mahkamah Malaysia dalam segala hal yang berkaitan dengan obligasi dan liabilitinya di bawah atau berbangkit daripada Akaun dan T&S ini.

33. Terma & Syarat Mengganti

T&S ini menggantikan semua aturan dan peraturan terdahulu dan/atau terma dan syarat terdahulu mengenai Akaun.

34. Cagaran dan Penafian

T&S ini mengandungi keperluan/arahan kepada Pelanggan berkenaan cagaran, instrumen dan rekod berkaitan akaun mereka. Jika apa-apa terma/keperluan/arahan nyata dalam T&S ini **TIDAK** dipatuhi oleh Pelanggan, maka HLB/HLISB akan dilepaskan daripada segala liabiliti berkaitan dengan hal yang sama. Pelanggan memahami jika akses kepada akaun dipermudahkan oleh Pelanggan kepada pelbagai pihak-pihak lain, maka Pelanggan perlu menangani keperluan untuk langkah perlindungan dalaman dan pemeriksaan penyata akaun seperti mana dinyatakan di dalam ini.

35. Tanggungjawab dan Obligasi Sekuriti Pelanggan

35.1 Ia adalah tanggungjawab Pelanggan untuk menjaga Akaun mereka daripada penggunaan tanpa kebenaran dan penipuan. Oleh itu, Pelanggan bersetuju untuk bertanggungjawab bagi memastikan langkah-langkah pencegahan berikut telah diambil, termasuklah tetapi tidak terhad kepada:

- (a) tidak menyalahgunakan, menjalankan aktiviti haram, aktiviti penipuan melalui Akaun; dan
- (b) tidak membenarkan Akaun untuk digunakan oleh pihak ketiga atau orang yang tidak dikenali.

35.2 HLB/HLISB berhak untuk membatalkan sementara, menggantung atau menghalang akses Pelanggan kepada Akaun dan/atau penggunaan Akaun Pelanggan sehingga pengesahan lanjut sekiranya kami mengesan kebarangkalian akses tanpa kebenaran dan HLB/HLISB akan memaklumkan Pelanggan secepat yang boleh, tertakluk pada sekatan undang-undang dan/atau kawal selia. Setelah pengesahan berjaya, akses Pelanggan kepada Akaun akan dikembalikan semula.

36. Penting: Sila ambil perhatian bahawa kegagalan Pelanggan untuk mematuhi mana-mana terma yang dinyatakan dalam mana-mana bahagian Terma & Syarat ini akan melepaskan HLB/HLISB daripada segala liabiliti. Sekiranya Pelanggan mempunyai sebarang pertanyaan berkenaan T&S, sila e-mel kami di hlonline@hlbb.hongleong.com.my.

37. Pelanggan perlu maklum akan apa-apa sekatan yang dikenakan oleh negara/organisasi dimana jua mereka ingin menyalurkan atau menerima dana. Jika ada dana/dokumen/transaksi yang bertanggung/disekat/ditahan akibat transaksi tersebut, maka HLB/HLISB **TIDAK** akan bertanggungjawab terhadap kelewatan/sekatan/penahanan tersebut.

38. Ganjaran

Pelanggan boleh memperoleh Ganjaran dengan menyertai Program Ganjaran, seperti yang diperincikan dalam Lampiran 1. Program Ganjaran ini menampilkan pelbagai peringkat Ganjaran berdasarkan kekerapan, dengan setiap peringkat menawarkan objektif dan nilai yang sepadan ("Ganjaran").

LAMPIRAN 1

Program Ganjaran

1. Kelayakan

- 1.1 Semua Pelanggan yang mempunyai Akaun HLB Meezani-i yang aktif dan merupakan pengguna aktif HLB Connect, dari permulaan tempoh pemilihan Ganjaran sehingga pemenuhan Ganjaran ("Tempoh Program Ganjaran"), layak untuk menyertai Program Ganjaran.
- 1.2 Kakitangan atau pekerja tetap, kontrak dan/atau sementara HLB yang terlibat secara langsung dalam proses pemilihan penerima untuk Program Ganjaran **TIDAK** layak untuk menyertai Program Ganjaran.
- 1.3 Pihak Bank berhak untuk membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan yang:
 - (a) telah melakukan, atau disyaki melakukan perbuatan penipuan, menyalahi undang - undang atau salah laku berhubung dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh pihak Bank; dan/atau
 - (b) sedang menghadapi prosiding kebangkrutan, atau telah diisytiharkan bankrap sama ada sebelum, semasa atau selepas Program Ganjaran; dan/atau
 - (c) telah melanggar mana-mana terma dan syarat dalam T&S ini pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas Program Ganjaran.

2. Kaedah Ganjaran dan Pemilihan Penerima Ganjaran

2.1 Perolehan Penyertaan:

- (a) Penyertaan untuk Pemilihan Ganjaran Harian diperoleh berdasarkan Baki Akhir Harian ("BAH") dalam Akaun Pelanggan.
- (b) Untuk Pemilihan Ganjaran Mingguan, Bulanan, Suku Tahunan dan Tahunan, penyertaan diperoleh berdasarkan Baki Purata bagi tempoh yang berkaitan mengikut formula berikut:

$\text{Penyertaan Diperoleh} = (\text{Jumlah Baki Harian} \div \text{Bilangan hari}) / \text{Jumlah minimum yang diperlukan}$

- 2.2 Pemilihan penerima Ganjaran ("Pemilihan Ganjaran") akan dijalankan mengikut Kekerapan Ganjaran yang ditentukan oleh pihak Bank (*rujuk Jadual 1 di bawah*).

2.3 Kelayakan bagi setiap kategori Ganjaran adalah seperti yang berikut:

- (a) Ganjaran Harian: sekali dalam sebulan kalendar
- (b) Ganjaran Mingguan: sekali dalam sebulan kalendar
- (c) Ganjaran Bulanan: sekali dalam suku tahun
- (d) Ganjaran Suku Tahunan: sekali dalam setahun
- (e) Ganjaran Tahunan: sekali sepanjang Tempoh Program Ganjaran

Nota:

1. Bagi Ganjaran Mingguan, pengiraan ganjaran bermula pada hari Isnin dan berakhir pada hari Ahad dalam minggu yang sama.
2. Bagi Ganjaran Bulanan, pengiraan adalah berdasarkan bulan kalendar yang berkaitan.
3. Bagi Ganjaran Suku Tahunan, pengiraan adalah berdasarkan setiap suku tahun.
4. Bagi Ganjaran Bulanan, Suku Tahunan dan Tahunan, seorang pelanggan hanya boleh dianugerahkan dengan **satu (1)** peringkat ganjaran dalam Kategori Ganjaran berkaitan, walaupun mereka layak untuk semua peringkat.

2.4 Jadual Pemenuhan & Pemberitahuan Penerima Ganjaran:

- (a) Pengkreditan Ganjaran Tunai Harian, Mingguan, Bulanan, Suku Tahunan dan Tahunan akan diproses pada hari berikutnya selepas Pemilihan Ganjaran. Sila rujuk pada Jadual 1 dibawah untuk

pengkreditan Ganjaran tunai.

- (b) Untuk Ganjaran bukan tunai, pemenuhan akan berlaku dalam tempoh **sembilan puluh (90)** hari perniagaan dari tarikh pengumuman penerima Ganjaran. Penerima akan dihubungi oleh Bank berdasarkan usaha terbaik di nombor telefon terkini mereka yang tercatat dalam sistem Bank untuk urusan pengambilan Ganjaran.
- (c) Penerima Ganjaran akan diberitahu keputusan pemilihan melalui HLB Connect App dalam tempoh **tujuh (7)** hari perniagaan dari tarikh Pemilihan Ganjaran.

3. Kategori Ganjaran

3.1 Pelanggan yang memenuhi kriteria dalam kategori berikut akan memperoleh penyertaan untuk Ganjaran yang sepadan:

Jadual 1

Kekerapan Ganjaran	Tujuan	Keperluan Baki	Ganjaran	Bilangan Penerima
Harian	<i>Membantu perbelanjaan harian Pelanggan</i>	RM 100 (baki akhir harian)	RM 50 Tunai (dikreditkan ke Akaun HLB Meezani-i)	50
Mingguan	<i>Hadiah untuk sekeluarga</i>	RM 200 (purata baki mingguan)	RM 100 Tunai (dikreditkan ke Akaun HLB Meezani-i)	100
Bulanan	<i>Pupuk matlamat Pelanggan</i>	Peringkat 1 RM 300 (purata baki bulanan)	RM 500 Tunai (dikreditkan ke Akaun HLB Meezani-i)	20
		Peringkat 2 RM 500 (purata baki bulanan)	RM1,000 Tunai (dikreditkan ke Akaun HLB Meezani-i)	10
		Peringkat 3 RM 2,000 (purata baki bulanan)	Motosikal Yamaha (Ganjaran Bulanan Utama)	1
Suku Tahunan	<i>Rezeki untuk mencapai impian dan rancangan Pelanggan</i>	Peringkat 1 RM 1,500 (purata baki suku tahunan)	Kad hadiah Harvey Norman RM3,000	5
		Peringkat 2 RM 2,000 (purata baki suku tahunan)	Jongkong emas 999 10gm	5
		Peringkat 3 RM 2,500	RM 7,000 Tunai (dikreditkan ke TIA-i)*	5

		(purata baki suku tahunan)		
Tahunan	<i>Membina asas jangka panjang Pelanggan</i>	Peringkat 1 RM 10,000 (purata baki tahunan)	Pakej Percutian Keluarga bernilai RM25,000	4
		Peringkat 2 RM 15,000 (purata baki tahunan)	Pakej Umrah** untuk 2 orang bernilai RM30,000	4
		Peringkat 3 RM 30,000 (purata baki tahunan)	RM 100,000 Tunai untuk Pendidikan/Masa Depan (dikreditkan ke Akaun HLB Meezani-i atau TIA-i)*	2
		Peringkat 4 RM 50,000 (purata baki tahunan)	Kereta Denza D9 (tanpa insurans)	1

*Ganjaran akan dikreditkan ke Akaun HLB Meezani-i atau TIA-i Penerima Ganjaran. Penerima Ganjaran mesti mempunyai atau membuka TIA-i bagi tujuan pemenuhan Ganjaran tertakluk pada terma dan syarat TIA-i (jika berkenaan).

** Penerima Ganjaran yang bukan beragama Islam boleh menggantikan Pakej Umrah dengan pakej pelancongan lain yang sama nilai yang ditawarkan oleh rakan niaga pihak Bank; Andalusia Travel & Tours Sdn Bhd. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang bayaran balik tunai yang terhasil daripada harga pakej yang kurang daripada nilai ganjaran yang dinyatakan adalah tertakluk kepada had baki tunai maksimum RM500 seperti yang dinyatakan dalam Klausula 5.6.

3.2 Jadual di bawah adalah contoh pengiraan bagaimana penyertaan Ganjaran boleh diperolehi:

(a) **Kategori Ganjaran Harian – Baki Purata Harian Minimum: RM100**

Senario A • Tarikh pembukaaan akaun: 1/8/2025 • Tarikh Penempatan: 4/8/2025 • Tarikh semasa: 4/8/2025 • Baki akhir hari: RM1,000 Pengiraan Penyertaan Baki akhir hari = RM1,000 Bilangan penyertaan = $RM1,000 \div RM100 = 10$ penyertaan
--

Senario B

- Tarikh pembukaaan akaun: 4/8/2025
- Tarikh Penempatan : 4/8/2025
- Tarikh semasa: 4/8/2025
- Baki akhir hari: RM1,000

Pengiraan Penyertaan

Baki akhir hari = RM1,000

Bilangan penyertaan = $RM1,000 \div RM 100 = 10$ penyertaan

(b) Kategori Ganjaran Mingguan – Baki Purata Mingguan Minimum: RM200

Senario A

- Tarikh pembukaaan akaun: 4/8/2025
- Tarikh Penempatan: 4/8/2025
- Tarikh semasa (akhir minggu): 10/8/2025
- Tempoh baki: 7 hari
- Baki dikekalkan sepanjang 7 hari: RM2,000

Pengiraan Penyertaan

Purata Baki Mingguan = $(\text{Jumlah Purata Baki Dikekalkan} \times \text{Tempoh Baki}) \div \text{Jumlah Hari Layak}^*$

Pengiraan = $(RM2,000 \times 7 \text{ hari}) \div 7 \text{ hari} = RM2,000$

Bilangan penyertaan = $RM2,000 \div RM 200 = 10$ penyertaan

** Jumlah bilangan hari Baki dikekalkan dalam akaun sepanjang tempoh ganjaran yang berkenaan.*

Senario B

- Tarikh Pembukaan Akaun: 4/8/2025
- Tarikh Penempatan: 7/8/2025
- Tarikh Semasa (akhir minggu): 10/8/2025
- Tempoh Baki: 4 hari
- Purata Baki dikekalkan sepanjang 4 hari; RM2,000

Pengiraan Penyertaan

Purata Baki Mingguan = $(\text{Jumlah Purata Baki Dikekalkan} \times \text{Tempoh Baki}) \div \text{Jumlah Hari Layak}^*$

Pengiraan nombor = $[(RM0 \times 3 \text{ hari}) + (RM2,000 \times 4 \text{ hari})] \div 7 \text{ hari} = RM1,143$

Bilangan penyertaan ganjaran = $RM1,143 \div RM200 = 5$ penyertaan

**Jumlah bilangan hari baki dikekalkan dalam akaun sepanjang tempoh ganjaran yang berkenaan.*

Senario C

- Tarikh Pembukaan Akaun: 7/8/2025
- Tarikh Penempatan: 7/8/2025
- Tarikh Semasa (akhir minggu): 10/8/2025
- Tempoh Baki: 4 hari
- Purata Baki dikekalkan sepanjang 4 hari: RM2,000

Pengiraan Penyertaan

Purata Baki Mingguan = $(\text{Jumlah Purata Baki Dikekalkan} \times \text{Tempoh Baki}) \div \text{Jumlah Hari Layak}^*$

Pengiraan nombor = $(RM2,000 \times 4 \text{ hari}) \div 4 \text{ hari} = RM2,000$

Bilangan penyertaan ganjaran = $RM2,000 \div RM200 = 10$ penyertaan

**Jumlah bilangan hari baki dikekalkan dalam akaun sepanjang tempoh ganjaran yang berkenaan.*

Senario D	Senario E
- Tarikh Pembukaan Akaun: 4/8/2025 - Tarikh Penempatan: 10/8/2025 - Jumlah Baki: RM2,000 - Tarikh Semasa (akhir minggu): 10/8/2025 - Tempoh Baki: 1 hari - Purata Baki dikekalkan sepanjang 1 hari; RM2,000 Pengiraan Penyertaan Purata Baki Mingguan = (Jumlah Purata Baki Dikekalkan × Tempoh Baki) ÷ Jumlah Hari Layak* Pengiraan = [(RM0 × 6 hari) + (RM2,000 × 1 hari)] ÷ 7 hari = RM286 Bilangan penyertaan ganjaran = RM286 ÷ RM200 = 1 penyertaan <i>*Jumlah bilangan hari baki dikekalkan dalam akaun sepanjang tempoh ganjaran yang berkenaan.</i>	- Tarikh Pembukaan Akaun: 10/8/2025 - Tarikh Penempatan: 10/8/2025 - Jumlah Baki: RM2,000 - Tarikh Semasa (akhir minggu): 10/8/2025 - Tempoh Baki: 1 hari - Purata Baki dikekalkan sepanjang 4 hari: RM2,000 Pengiraan Penyertaan Purata Baki Mingguan = (Jumlah Purata Baki Dikekalkan × Tempoh Baki) ÷ Jumlah Hari Layak* Pengiraan = (RM2,000 × 1 hari) ÷ 1 hari = RM2,000 Bilangan penyertaan ganjaran = RM2,000 ÷ RM200 = 10 penyertaan <i>*Jumlah bilangan hari baki dikekalkan dalam akaun sepanjang tempoh ganjaran yang berkenaan.</i>

(c) **Kategori Ganjaran Bulanan – Baki Purata Bulanan Minimum: RM300**

Senario A
- Tarikh Pembukaan Akaun: 1/8/2025 - Tarikh Penempatan: 1/8/2025 - Jumlah Baki: RM2,000 - Tarikh Semasa (akhir bulan): 31/8/2025 - Tempoh Baki: 31 hari - Purata Baki dikekalkan sepanjang 31 hari: RM2,000 Pengiraan Penyertaan Purata Baki Bulanan = (Jumlah Purata Baki Dikekalkan × Tempoh Baki) ÷ Jumlah Hari Layak* Pengiraan nombor = (RM2,000 × 31 hari) ÷ 31 hari = RM2,000 Bilangan penyertaan ganjaran = RM2,000 ÷ RM300 = 6 penyertaan <i>*Jumlah bilangan hari baki dikekalkan dalam akaun sepanjang tempoh ganjaran yang berkenaan.</i>

Senario B	Senario C
- Tarikh Pembukaan Akaun: 1/8/2025 - Tarikh Penempatan: 14/8/2025 - Jumlah Baki: RM2,000 - Tarikh Semasa (akhir bulan): 31/8/2025 - Tempoh Baki: 18 hari	- Tarikh Pembukaan Akaun: 14/8/2025 - Tarikh Penempatan: 14/8/2025 - Jumlah Baki: RM2,000 - Tarikh Semasa (akhir bulan): 31/8/2025 - Tempoh Baki: 18 hari

Purata Baki dikekalkan sepanjang 18 hari: RM2,000 Pengiraan Penyertaan Purata Baki Bulanan = (Jumlah Purata Baki Dikekalkan × Tempoh Baki) ÷ Jumlah Hari Layak* Pengiraan nombor = [(RM0 × 13 hari) + (RM2,000 × 18 hari)] ÷ 31 hari = RM1,161 Bilangan penyertaan ganjaran = RM1,161 ÷ RM300 = 3 penyertaan <i>*Jumlah bilangan hari baki dikekalkan dalam akaun sepanjang tempoh ganjaran yang berkenaan.</i>	Purata Baki dikekalkan sepanjang 18 hari: RM2,000 Pengiraan Penyertaan Purata Baki Bulanan = (Jumlah Purata Baki Dikekalkan × Tempoh Baki) ÷ Jumlah Hari Layak* Pengiraan nombor = (RM2,000 × 18 hari) ÷ 18 hari = RM2,000 Bilangan penyertaan ganjaran = RM2,000 ÷ RM300 = 6 penyertaan <i>*Jumlah bilangan hari baki dikekalkan dalam akaun sepanjang tempoh ganjaran yang berkenaan.</i>
Senario D	Senario E
- Tarikh Pembukaan Akaun: 1/8/2025 - Tarikh Penempatan: 31/8/2025 - Jumlah Baki: RM 2,000 - Tarikh Semasa (akhir bulan): 31/8/2025 - Tempoh Baki: 1 hari - Purata Baki dikekalkan sepanjang 18 hari: RM2,000 Pengiraan Penyertaan Purata Baki Bulanan = (Jumlah Purata Baki Dikekalkan × Tempoh Baki) ÷ Jumlah Hari Layak* Pengiraan nombor = [(RM0 × 30 hari) + (RM2,000 × 1 hari)] ÷ 31 hari = RM65 Bilangan penyertaan ganjaran = RM65 ÷ RM300 = 0 penyertaan <i>*Jumlah bilangan hari baki dikekalkan dalam akaun sepanjang tempoh ganjaran yang berkenaan.</i>	- Tarikh Pembukaan Akaun: 31/8/2025 - Tarikh Penempatan: 31/8/2025 - Jumlah Baki: RM 2,000 - Tarikh Semasa (akhir bulan): 31/8/2025 - Tempoh Baki: 1 hari - Baki purata yang dikekalkan dalam 18 hari: RM2,000 Pengiraan Penyertaan Purata Baki Bulanan = (Jumlah Purata Baki Dikekalkan × Tempoh Baki) ÷ Jumlah Hari Layak* Pengiraan nombor = (RM2,000 × 1 hari) ÷ 1 hari = RM2,000 Bilangan penyertaan ganjaran = RM2,000 ÷ RM300 = 6 penyertaan <i>*Jumlah bilangan hari baki dikekalkan dalam akaun sepanjang tempoh ganjaran yang berkenaan.</i>

(d) **Kategori Ganjaran Suku Tahun – Baki Purata Suku Tahunan Minimum: RM1,500**

Senario A
- Tarikh Pembukaan Akaun: 1/10/2025 - Tarikh Penempatan: 1/10/2025 - Jumlah Baki: RM5,000 - Tarikh Semasa (akhir suku tahun): 31/12/2025 - Tempoh Baki: 92 hari - Purata Baki dikekalkan sepanjang 92 hari: RM5,000 Pengiraan Penyertaan Purata Baki Suku Tahun = (Jumlah Purata Baki Dikekalkan × Tempoh Baki) ÷ Jumlah Hari Layak* Pengiraan nombor = (RM5,000 × 92 hari) ÷ 92 hari = RM5,000

Bilangan penyertaan ganjaran = $RM5,000 \div RM1,500 = 3$ penyertaan

**Jumlah bilangan hari baki dikekalkan dalam akaun sepanjang tempoh ganjaran yang berkenaan.*

Senario B	Senario C
• Tarikh Pembukaan Akaun: 1/10/2025 • Tarikh Penempatan: 15/11/2025 • Jumlah Baki: RM5,000 • Tarikh Semasa (akhir suku tahun): 31/12/2025 • Tempoh Baki: 47 hari • Purata Baki dikekalkan sepanjang 47 hari: RM5,000 Pengiraan Penyertaan Purata Baki Suku Tahun = (Jumlah Purata Baki Dikekalkan $\times$ Tempoh Baki) $\div$ Jumlah Hari Layak* Pengiraan nombor = $[(RM0 \times 45 \text{ hari}) + (RM5,000 \times 47 \text{ hari})] \div 92 \text{ hari} = RM2,554$ Bilangan penyertaan ganjaran = $RM2,554 \div RM1,500 = 1$ penyertaan <i>* Jumlah bilangan hari baki dikekalkan dalam akaun sepanjang tempoh ganjaran yang berkenaan.</i>	• Tarikh Pembukaan Akaun: 15/11/2025 • Tarikh Penempatan: 15/11/2025 • Jumlah Baki: RM5,000 • Tarikh Semasa (akhir suku tahun): 31/12/2025 • Tempoh Baki: 47 hari • Purata Baki dikekalkan sepanjang 47 hari: RM5,000 Pengiraan Penyertaan Purata Baki Suku Tahun = (Jumlah Purata Baki Dikekalkan $\times$ Tempoh Baki) $\div$ Jumlah Hari Layak* Pengiraan nombor = $(RM5,000 \times 47 \text{ hari}) \div 47 \text{ hari} = RM5,000$ Bilangan penyertaan ganjaran = $RM5,000 \div RM1,500 = 3$ penyertaan <i>* Jumlah bilangan hari baki dikekalkan dalam akaun sepanjang tempoh ganjaran yang berkenaan.</i>
Senario D	Senario E
• Tarikh Pembukaan Akaun: 1/10/2025 • Tarikh Penempatan: 31/12/2025 • Jumlah Baki: RM5,000 • Tarikh Semasa (akhir suku tahun): 31/12/2025 • Tempoh Baki: 1 hari • Purata Baki dikekalkan sepanjang 1 hari: RM5,000 Pengiraan Penyertaan Purata Baki Suku Tahun = (Jumlah Purata Baki Dikekalkan $\times$ Tempoh Baki) $\div$ Jumlah Hari Layak* Pengiraan nombor = $[(RM0 \times 91 \text{ hari}) + (RM5,000 \times 1 \text{ hari})] \div 92 \text{ hari} = RM54$ Bilangan penyertaan ganjaran = $RM54 \div RM1,500 = 0$ penyertaan <i>* Jumlah bilangan hari baki dikekalkan dalam akaun sepanjang tempoh ganjaran yang berkenaan.</i>	• Tarikh Pembukaan Akaun: 31/12/2025 • Tarikh Penempatan: 31/12/2025 • Jumlah Baki: RM5,000 • Tarikh Semasa (akhir suku tahun): 31/12/2025 • Tempoh Baki: 1 hari • Purata Baki dikekalkan sepanjang 1 hari: RM5,000 Pengiraan Penyertaan Purata Baki Suku Tahun = (Jumlah Purata Baki Dikekalkan $\times$ Tempoh Baki) $\div$ Jumlah Hari Layak* Pengiraan nombor = $(RM5,000 \times 1 \text{ hari}) \div 1 \text{ hari} = RM5,000$ Bilangan penyertaan ganjaran = $RM5,000 \div RM1,500 = 3$ penyertaan <i>* Jumlah bilangan hari baki dikekalkan dalam akaun sepanjang tempoh ganjaran yang berkenaan.</i>

(e) **Kategori Ganjaran Tahunan – Baki Purata Tahunan Minimum: RM10,000**

Senario A

- Tarikh Pembukaan Akaun: 29/07/2025
- Tarikh Penempatan: 29/07/2025
- Jumlah Baki: RM50,000
- Tarikh Semasa (akhir tahun): 28/07/2026
- Tempoh Baki: 365 hari
- Purata Baki dikekalkan sepanjang 365 hari: RM50,000

Pengiraan Penyertaan

Purata Baki Tahunan = (Jumlah Purata Baki Dikekalkan × Tempoh Baki) ÷ Jumlah Hari Layak*

Pengiraan nombor = (RM50,000 × 365 hari) ÷ 365 hari = RM50,000

Bilangan penyertaan ganjaran = RM50,000 ÷ RM10,000 = 5 penyertaan

* Jumlah bilangan hari baki dikekalkan dalam akaun sepanjang tempoh ganjaran yang berkenaan.

Scenario B	Scenario C
• Tarikh Pembukaan Akaun: 29/7/2025 • Tarikh Penempatan: 31/12/2025 • Jumlah Baki: RM50,000 • Tarikh Semasa (akhir tahun): 28/07/2026 • Tempoh Baki: 210 hari • Purata Baki dikekalkan sepanjang 210 hari: RM50,000 Pengiraan Penyertaan Purata Baki Tahunan = (Jumlah Purata Baki Dikekalkan × Tempoh Baki) ÷ Jumlah Hari Layak* Pengiraan nombor = [(RM0 × 155 hari) + (RM50,000 × 210 hari)] ÷ 365 hari = RM28,767 Bilangan penyertaan ganjaran = RM28,767 ÷ RM10,000 = 2 penyertaan * Jumlah bilangan hari baki dikekalkan dalam akaun sepanjang tempoh ganjaran yang berkenaan.	• Tarikh Pembukaan Akaun: 31/12/2025 • Tarikh Penempatan: 31/12/2025 • Jumlah Baki: RM50,000 • Tarikh Semasa (akhir tahun): 28/07/2026 • Tempoh Baki: 210 hari • Purata Baki dikekalkan sepanjang 210 hari: RM50,000 Pengiraan Penyertaan Purata Baki Tahunan = (Jumlah Purata Baki Dikekalkan × Tempoh Baki) ÷ Jumlah Hari Layak* Pengiraan nombor = (RM50,000 × 210 hari) ÷ 210 hari = RM50,000 Bilangan penyertaan ganjaran = RM50,000 ÷ RM10,000 = 5 penyertaan * Jumlah bilangan hari baki dikekalkan dalam akaun sepanjang tempoh ganjaran yang berkenaan.
Scenario D	Scenario E
• Tarikh Pembukaan Akaun: 29/07/2025 • Tarikh Penempatan: 28/07/2026 • Jumlah Baki: RM50,000 • Tarikh Semasa (akhir tahun): 28/07/2026 • Tempoh Baki: 1 hari • Purata Baki dikekalkan sepanjang 1 hari: RM50,000 Pengiraan Penyertaan Purata Baki Tahunan = (Jumlah Purata Baki Dikekalkan × Tempoh Baki) ÷ Jumlah Hari Layak*	• Tarikh Pembukaan Akaun: 28/07/2026 • Tarikh Penempatan: 28/07/2026 • Jumlah Baki: RM50,000 • Tarikh Semasa (akhir tahun): 28/07/2026 • Tempoh Baki: 1 hari • Purata Baki dikekalkan sepanjang 1 hari: RM50,000 Pengiraan Penyertaan Purata Baki Tahunan = (Jumlah Purata Baki Dikekalkan × Tempoh Baki) ÷ Jumlah Hari Layak*

Pengiraan nombor = $[(RM0 \times 364 \text{ hari}) + (RM50,000 \times 1 \text{ hari})] \div 365 \text{ hari} = RM137$ Bilangan penyertaan ganjaran = $RM137 \div RM10,000 = 0$ penyertaan <i>* Jumlah bilangan hari baki dikekalkan dalam akaun sepanjang tempoh ganjaran yang berkenaan.</i>	Pengiraan nombor = $(RM50,000 \times 1 \text{ hari}) \div 1 \text{ hari} = RM50,000$ Bilangan penyertaan ganjaran = $RM50,000 \div RM10,000 = 5$ penyertaan <i>* Jumlah bilangan hari baki dikekalkan dalam akaun sepanjang tempoh ganjaran yang berkenaan.</i>
--	--

4. Notis dan Tuntutan Ganjaran

- 4.1 Untuk semua Ganjaran tunai, penerima akan menerima Notifikasi Dalam Aplikasi ("IAP") melalui HLB Connect App dalam tempoh **tujuh (7)** hari perniagaan dari tarikh Pemilihan Ganjaran. Ganjaran tunai akan dikreditkan ke dalam Akaun HLB Meezani-i atau TIA-i penerima Ganjaran seperti yang tertera dalam Jadual 1.
- 4.2 Untuk Ganjaran bukan tunai, penerima mungkin dikehendaki untuk memberikan butiran diri dan menandatangani borang pelepasan untuk menuntut Ganjaran mereka.
- 4.3 Jika penerima Ganjaran tidak dapat dihubungi atau gagal menuntut Ganjaran dalam tempoh **tiga puluh (30)** hari perniagaan dari tarikh pemberitahuan penerima Ganjaran, pihak Bank berhak untuk melucutkan Ganjaran dan memilih penerima Ganjaran alternatif.
- 4.4 Sekiranya Ganjaran tidak diterima, adalah menjadi kewajipan penerima Ganjaran yang terpilih untuk memaklumkan pihak Bank dalam tempoh **sembilan puluh (90)** hari perniagaan dari tarikh pengumuman penerima. Kegagalan berbuat demikian, penerima yang terpilih dianggap telah menerima Ganjaran dan sebarang aduan mengenai kegagalan menerima Ganjaran tidak akan dilayan oleh pihak Bank.
- 4.5 Sekiranya Bank menganjurkan majlis anugerah atau acara serupa untuk pembentangan atau pengumpulan sebarang Ganjaran, penerima Ganjaran akan bertanggungjawab sepenuhnya dan akan menanggung sendiri semua kos dan perbelanjaan yang berkaitan dengan menghadiri acara tersebut, termasuk tetapi tidak terhad kepada perjalanan, penginapan, dan sebarang perbelanjaan sampingan lain.
- 4.6 Penerima ganjaran akan menanggung liabiliti dan tanggungjawab sepenuhnya sekiranya berlaku sebarang liabiliti, kemalangan, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) yang berpunca daripada penyertaan mereka dalam program Ganjaran, penebusan dan/atau penggunaan Ganjaran dan bersetuju untuk melepaskan serta memastikan Bank bebas dan tidak bertanggungjawab terhadap sebarang liabiliti.
- 4.7 Selain pemberitahuan melalui Aplikasi HLB Connect, Bank boleh menerbitkan atau mengumumkan nama, nombor kad pengenalan (IC) (dalam format tertutup atau separa), dan gambar/video penerima Ganjaran di laman web HLB/HLISB, platform media sosial, atau mana-mana saluran media lain yang dianggap sesuai oleh HLISB. Dengan menyertai Program Ganjaran, Pelanggan secara jelas bersetuju dengan pendedahan dan penggunaan tersebut untuk tujuan mengumumkan dan mempromosikan Program Ganjaran, selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi (PDPA) 2010.

5. Terma Am

- 5.1 Tempoh Program Ganjaran adalah selama **satu (1)** tahun bermula penubuhan produk.
- 5.2 Ganjaran tidak boleh dipindah milik, tidak boleh ditukar dengan wang tunai, atau tidak boleh diganti dengan item lain dan tidak termasuk sebarang cukai, fi, atau caj, yang akan ditanggung oleh penerima

Ganjaran. Pihak Bank berhak untuk menggantikan Ganjaran dengan item lain yang setara nilainya, atas budi bicaranya, jika item tersebut tidak tersedia atau disebabkan oleh keadaan yang tidak dijangka.

- 5.3 Pihak Bank tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian atau kerosakan atau perbelanjaan yang timbul berkaitan dengan Pemilihan Ganjaran, walau bagaimanapun ia timbul, termasuk tanpa batasan, dari sebarang kelewatan atau ketidak pemberitahuan, sebarang kesilapan dalam pengiraan, kerosakan perkakasan dan perisian teknikal, kerosakan atau kecacatan, transaksi yang gagal, tertunda atau salah, atau sambungan rangkaian yang hilang atau tidak tersedia, atau sebarang notis yang hilang atau tersalah alamat, yang mungkin menjejaskan kelayakan Pelanggan dalam Pemilihan Ganjaran.
- 5.4 Keputusan pihak Bank mengenai semua perkara yang berkaitan atau berhubung dengan Program Ganjaran, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, kelayakan mana-mana Pelanggan, untuk menentukan siapa penerima Ganjaran, dan sama ada untuk menamatkan Program Ganjaran, adalah atas budi bicara dan adalah muktamad, konklusif dan mengikat semua pihak. Pihak Bank tidak akan diwajibkan untuk memberikan sebarang sebab atau memasuki sebarang surat-menyurat dengan mana-mana pihak mengenai sebarang perkara berkaitan Program Ganjaran dan tiada rayuan, surat-menyurat atau tuntutan akan dilayan.
- 5.5 Pihak Bank bukan ejen pedagang pihak ketiga. Oleh itu, pihak Bank tidak membuat sebarang representasi terhadap kualiti atau prestasi barang dan perkhidmatan yang disediakan oleh pedagang pihak ketiga dan pihak Bank tidak menanggung liabiliti atau tanggungjawab untuk tindakan atau peninggalan pedagang pihak ketiga atau sebarang ketidaksempurnaan atau kecacatan dalam Ganjaran. Sebarang pertikaian mengenai kualiti atau tahap perkhidmatan mesti diselesaikan secara langsung dengan pedagang pihak ketiga. Pihak Bank tidak akan dikehendaki untuk membantu atau bertindak bagi pihak Pelanggan dalam berkomunikasi dengan pedagang pihak ketiga.
- 5.6 Walau apa pun nilai yang dinyatakan bagi Pakej Percutian Keluarga (Peringkat Tahunan 1) dan Pakej Umrah (Peringkat Tahunan 2), sekiranya kos sebenar pakej yang dipilih oleh Penerima Ganjaran adalah kurang daripada nilai yang dinyatakan, baki tunai maksimum atau perbezaan yang dibenarkan untuk diterima oleh Penerima sebagai bayaran balik akan dihadkan dengan ketat pada Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500). Baki nilai ganjaran yang tidak digunakan yang selebihnya (jika ada) yang melebihi RM500 akan dianggap lucut hak dan tidak akan dikreditkan ke dalam akaun pelanggan.
- 5.7 Dengan menyertai Program Ganjaran, Pelanggan:
- (a) mengesahkan bahawa mereka telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan T&S di sini, yang boleh didapati di Laman Web HLB/HLISB;
 - (b) bersetuju bahawa semua rekod BAH yang direkodkan oleh sistem Bank untuk tujuan Program Ganjaran ini adalah tepat dan muktamad;
 - (c) bersetuju bahawa keputusan pihak Bank mengenai semua perkara berkaitan Program Ganjaran ini, termasuk pemilihan penerima Ganjaran, adalah muktamad, konklusif dan mengikat semua Pelanggan;
 - (d) mengesahkan bahawa butiran hubungan mereka (iaitu nombor telefon, alamat e-mel, dll.) dalam sistem Bank adalah terkini dan akan memastikan butiran hubungan tersebut sentiasa dikemas kini;
 - (e) bersetuju bahawa Ganjaran tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai, kredit, cek atau dalam bentuk lain;
 - (f) bersetuju untuk mengakses Laman Web HLB/HLISB pada selang masa yang tetap untuk melihat T&S ini bagi memastikan mereka sentiasa mengikuti sebarang perubahan atau variasi kepada T&S ini;
 - (g) bersetuju untuk membenarkan pihak Bank mendedahkan data peribadi mereka iaitu,

nombor hubungan dan alamat e-mel kepada vendor pihak ketiga yang diberi kuasa, untuk tujuan penghantaran Ganjaran; dan

- (h) bersetuju untuk bertanggungjawab dan akan menanggung sendiri semua cukai yang dikenakan, yuran kerajaan atau sebarang caj lain yang berkaitan yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang yang berkenaan, jika ada, berhubung dengan penyertaan mereka dalam Program Ganjaran.

5.8 Pihak Bank berhak untuk:

- (a) menyemak, menukar, mengubah suai, atau mengeluarkan kriteria Ganjaran, kelayakan, Mekanisme Program Ganjaran, struktur Ganjaran, dan kekerapan Pemilihan Ganjaran pada bila-bila masa dengan notis melalui penyiaran perkara tersebut di laman web HLB/HLISB;
- (b) membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan yang: pada masa lalu telah melakukan, atau kini disyaki melakukan, perbuatan penipuan, menyalahi undang-undang, atau salah laku berhubung dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh HLB/HLISB; sedang menghadapi kebangkrutan atau yang cuba memanipulasi mekanisme penyertaan Pemilihan Ganjaran;
- (c) melucutkan dan/atau menuntut semula Ganjaran di mana terdapat ketidakpatuhan terhadap T&S di sini;
- (d) menambah, memadam atau meminda T&S di sini, secara keseluruhan atau sebahagian, atau untuk menamatkan Program Ganjaran, dengan cara penyiaran di Laman Web HLB/HLISB atau dengan apa-apa kaedah lain yang dianggap praktikal oleh pihak Bank, untuk memberikan notis awal kepada Pelanggan; dan
- (e) membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan daripada menyertai Program Ganjaran jika mereka tidak mematuhi T&S ini atau mana-mana terma dan syarat lain yang terpakai kepada Akaun HLB Meezani-i, mengikut mana yang difikirkan sesuai oleh pihak Bank secara munasabah.
- (f) menggantikan sebarang Ganjaran dengan Ganjaran alternatif yang mempunyai nilai sama atau lebih tinggi sekiranya Ganjaran asal tidak tersedia, tidak dapat diperolehi, atau jika dianggap perlu disebabkan keadaan yang tidak dapat dielakkan.

5.9 T&S di sini hendaklah ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk patuh kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

5.10 Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara T&S ini berbanding dengan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain yang berkaitan dengan atau berhubung dengan Program Ganjaran, terma dan syarat akhir di Laman Web HLB/HLISB akan diguna pakai.

Sekiranya Pelanggan mempunyai sebarang pertanyaan mengenai T&S ini, sila e-mel kami di hlonline@hlbb.hongleong.com.my.

Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan dengan memuaskan oleh kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau BNMLINK di tingkat 4, Podium Bangunan AICB, No 10, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur. Tel: 1-300-88-5465 atau 03-2174 1717 (untuk panggilan luar negara) Faks: 03-2174 1515 Laman web: bnmlink.bnm.gov.my

AMARAN

PULANGAN TERHADAP AKAUN PELABURAN-i INI AKAN BERGANTUNG KEPADA PRESTASI ASET PENDASAR. JUMLAH MODAL DAN PULANGAN TIDAK DIJAMIN DAN PEMEGANG AKAUN MENANGGUNG RISIKO TIDAK MEMPEROLEHI SEBARANG PULANGAN SAMA SEKALI. AKAUN PELABURAN-i INI TIDAK DILINDUNGI OLEH PIDM.